

**Tarikh Dibaca: 21 OKT 2022M | 24 Rabi'ul Awwal 1444H**



**ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“PEMIMPIN DAN NEGARA”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## "PEMIMPIN DAN NEGARA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثِيَ وَهُوَ مُؤْمِنٌ  
فَلَنُحْيِيَنَّهُ حَيَوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾<sup>1</sup>  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ  
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾<sup>2</sup>

### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya ingin mengingatkan diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya di samping berusaha mencari kehidupan yang diberkati dan diredai oleh Allah SWT.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk  
**"PEMIMPIN DAN NEGARA"**.

<sup>1</sup> Al-Nahl : 97.

<sup>2</sup> Ali Imran : 102.



## **Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Pemimpin berintegriti adalah unsur utama dan berperanan besar dalam membina tingkah laku, manusia, masyarakat dan bagaimana sebuah negara dapat diurus dengan teratur, dihormati dan mampu mewariskan legasi baik untuk masa hadapan. Nilai yang baik (mahmudah) menampilkan norma dan piawaian tingkah laku yang terbaik dalam kehidupan seseorang pemimpin. Pemimpin berintegriti, jujur dan beramanah bukan sahaja akan mengubah landskap dan ekosistem kehidupan bermasyarakat, bahkan akan memacu negara untuk mencapai matlamat yang telah dirangka agar menjadi sebuah negara mampan, stabil, dihormati dan beridentiti, bukannya sebuah negara yang dikenali dengan kemunafikan, penuh dengan isu dan kontroversi salah guna kuasa, rasuah, pecah amanah, pengkhianatan serta adu domba yang merosakkan penjana keutuhan dan perpaduan bangsa dan negara.

Integriti adalah kepatuhan kepada prinsip-prinsip beragama, nilai dan norma sejagat dan etika yang kuat. Insan terbaik yang sangat kita cintai, iaitu junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW, Baginda telah menonjolkan dirinya sebagai ikon hamba Allah yang berintegriti tinggi, sehingga dikenali dengan gelaran 'al-Amin', iaitu 'yang sangat dipercayai' dalam kalangan masyarakat Islam ketika itu. Empat nilai keperibadian dan sifat terpuji Rasulullah SAW yang mendokong maksud serta menjadi teras kepada nilai integriti iaitu Siddiq (berkata benar), Amanah (dipercayai), Tabligh (menyampaikan), Fatanah (bijaksana). Sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 21:



لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا  
اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

*"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)"*

Nilai integriti adalah satu komponen pelengkap untuk menjadi ikutan dan pembentukan negara yang bahagia, aman makmur dan sejahtera. Integriti berlandaskan nilai-nilai Islam yang berpaksikan kepada kekuatan akidah, syariah dan akhlak adalah penyelesaian terbaik kepada kerosakan dan kemelut yang berlaku dalam diri, organisasi dan negara hari ini. Nilai amanah dan ikhlas seseorang pemimpin itu akan membentuk dan melahirkan dasar-dasar negara yang mampu mendukung kepentingan rakyat dan pembangunan negara yang seimbang di sudut spiritual dan fizikal. Sebaliknya pemimpin yang hanya mahukan kuasa dan mencari kekayaan dunia akan menjadi perosak dan pengkhianat kepada rakyat dan negara.

Banyak paparan kisah yang mencerminkan kejujuran para Nabi dan Rasul yang dapat kita teladani dan contohi daripada perjalanan hidup mereka. Antaranya firman Allah SWT yang mengisahkan kejujuran dan sifat amanah Nabi Musa Alaihissalam dalam surah Al- Qasas ayat 26:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَهُ  
الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾



*“Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.”*

Ayat ini sebenarnya membawa maksud yang sungguh mendalam. Ia bukan sahaja membuktikan kekuatan dan amanah Nabi Musa Alaihissalam, tetapi juga menonjolkan sikap kepimpinan Baginda Nabi Musa Alaihissalam dalam menyempurnakan tugas yang diberikan dengan penuh integriti yang tinggi.

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Sifat amanah dan ikhlas yang wajib dimiliki oleh setiap pemimpin itu merupakan syarat utama ditetapkan oleh agama Islam agar pemimpin tersebut dapat membimbing masyarakat dan negara ke arah kebaikan. Manfaat atau kebaikannya bukan sahaja dapat diraih oleh pemimpin itu sendiri, bahkan oleh masyarakat seluruhnya. Selain itu, pembudayaan dan pengamalan nilai amanah dan ikhlas dalam sebuah kepimpinan juga amat dititikberatkan dalam Islam. Sedarlah wahai pemimpin, janganlah kamu menjadi pengkhianat terhadap amanah yang diberikan. Rujuklah firman Allah SWT dalam surah Al-Anfal ayat 27:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ

وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾



*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”*

**Hadirin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya pemimpin yang tidak menegakkan nilai integriti, kejujuran dan amanah akan menyebabkan pemimpin itu sendiri terjerumus ke dalam aktiviti bersifat kemunafikan dan kemaksiatan seperti mengamalkan amalan rasuah, salah guna kuasa, pecah amanah dan menyebarkan fitnah yang mengakibatkan kerosakan sebuah kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Amaran ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 16:

وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ

عَلَيْهَا الْقَوْلُ فَدَمَّرْنَاهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾

*“Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu kami menghancurkannya sehancur-hancurnya.”*

Lihatlah contoh-contoh yang ditonjolkan dalam al-Quran dan juga dari sirah Rasulullah SAW, sifat jujur dan amanah hendaklah menjadi identiti yang sehati dalam diri pemimpin. Pemimpin hendaklah menyerlahkan bukan sahaja kelembutan budi bahasa, tetapi kemuliaan akhlak dari sudut kejujuran dan keikhlasan serta boleh diyakini dan dapat dipercayai oleh



rakyat bahkan mengundang kehormatan daripada negara-negara lain di dunia. Pada masa yang sama, pemimpin yang jujur dan amanah pastinya seorang pemimpin yang bukan sahaja jujur kepada orang lain, bahkan pada diri sendiri.

Hadis daripada Ma'qil bin Yasar bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ وَّالٍ يَلِي رَعِيَّةً مِنَ الْمُسْلِمِينَ، فَيَمُوتُ وَهُوَ غَاشٌّ  
لَهُمْ، إِلَّا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ

*"Tidaklah seorang pemimpin memimpin masyarakat Muslimin lalu meninggal dunia dalam keadaan dia menipu, Allah mengharamkan syurga baginya."*

*(Riwayat al-Bukhari).*

### **Muslimin yang dikasihi Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin merumuskan khutbah kepada beberapa intipati iaitu;

1. Setiap pemimpin hendaklah bersungguh-sungguh mematuhi dan mengamalkan sifat amanah, jujur dan ikhlas sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT.
2. Pemimpin yang khianat, menipu dan menyalahgunakan kuasa untuk mengumpul kekayaan diri pasti akan dibenci oleh rakyat dan dikutuk oleh Allah SWT kerana boleh menjahanamkan negara.
3. Rosaknya pemimpin maka rosaklah negara ibarat kata pujangga "jika keruh air di hulu, maka keruhlah ia di hilir".
4. Umat Islam hendaklah menjauhi amalan tidak bermoral dan berubahlah untuk berpegang kepada prinsip agama dan nilai etika sejagat,



agar kita sama-sama dapat membina sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika, sekaligus menjadi negara yang disegani dan dihormati.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ  
الْقِيَامَةِ أَعْمَى ﴿١٢٤﴾ قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِي أَعْمَى وَقَدْ كُنْتُ بَصِيرًا  
﴿١٢٥﴾ قَالَ كَذَلِكَ أَتَتْكَ آيَاتُنَا فَنَسِيتَهَا وَكَذَلِكَ الْيَوْمَ تُنسى ﴿١٢٦﴾

*“Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit dan Kami akan himpulkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta. Dia berkata: Wahai Tuhanku, mengapa Engkau himpulkan daku dalam keadaan buta, padahal aku dahulu melihat? Allah berfirman: Demikianlah keadaannya! Telah datang ayat-ayat keterangan Kami kepadamu, lalu engkau melupakan serta meninggalkannya dan demikianlah engkau pada hari ini dilupakan serta ditinggalkan.”*

(Surah Taha : 124-126).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ  
الْكَفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه  
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah. Maka adalah dilarang ahli-ahli politik berucap di masjid dan surau di negeri ini.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.  
رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾.  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.